

**Sumbangan Shah Waliyullah Al-Dihlawi dalam Perkembangan Intelektual Islam di Malaysia:  
Beberapa Perkembangan Mutakhir**  
(*Shah Waliyullah al-Dihlawi's Contribution to Islamic Intellectual Development in Malaysia:  
Some Recent Developments*)

Akalily Narmi,\* Mohd. Zariat Abdul Rani,\*\* Kamariah Kamarudin\*\*\* & Pabiyah Hajimaming@Toklubok\*\*\*\*

**Abstrak**

Dalam pengajian tamadun, pencapaian intelektual sesebuah bangsa menjadi aspek penting yang diberikan perhatian yang besar. Tamadun sesebuah bangsa itu juga lazimnya terbina hasil daripada interaksi bangsa-bangsa lain terutamanya dari segi pencapaian intelektual. Dalam konteks inilah, kajian ini memfokuskan tentang pengaruh Shah Waliyullah al-Dihlawi di Malaysia. Al-Dihlawi merupakan seorang sarjana Islam kelahiran India pada abad ke-18 Masihi yang memberikan sumbangan yang besar dalam tradisi keilmuan Islam hingga ke hari ini. Sehingga kini, korpus penyelidikan mengenai sumbangan beliau di Malaysia rata-rata diisi oleh kajian-kajian dengan fokus, skop dan periode yang tertentu. Hal ini dengan sendirinya mengundang kajian yang lebih komprehensif, terutamanya yang mencakupi perkembangan semasa. Justeru, kajian ini bertujuan membincangkan secara kronologikal pengaruh pemikiran al-Dihlawi di Malaysia yang mencakupi perkembangan mutakhir. Kajian ini menerapkan metodologi kualitatif, khususnya kaedah kepustakaan dan temu bual. Kajian ini berhasil dalam membincangkan beberapa perkembangan mutakhir berkaitan pengaruh pemikiran al-Dihlawi di Malaysia, terutamanya dalam bidang kesusastraan Melayu. Hal ini merujuk kepada penerapan huraian *Taklif* menurut al-Dihlawi dalam gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan yang telah diterapkan sebagai kerangka bagi menganalisis teks-teks sastera Melayu. Penerapan ini telah mengujudkan korpus ilmiah yang tersendiri tentang pemikiran al-Dihlawi dalam kesusastraan Melayu.

**Kata kunci:** Perkembangan intelektual di Malaysia, tradisi keilmuan Islam, Shah Waliyullah al-Dihlawi, kesusastraan Melayu, Persuratan Baru

**Abstract**

*In the study of civilization, the intellectual achievement of a nation becomes an important aspect that is given great attention. The civilization of a nation is usually formed from interaction with other nations, especially through the influence of intellectual achievement. In this context, this study focuses on the influence of Shah Waliyullah al-Dihlawi in Malaysia. Al-Dihlawi was a Muslim Indian-born scholar in the 18<sup>th</sup> century AD who made great contributions in the Islamic scientific tradition to this day. Existing research corpus on his contribution in Malaysia is found to comprise of studies which tend to be very specific in their focus, scope and period. This tendency invites for a more comprehensive study, especially which takes into account recent developments. This study, therefore, aims to chronologically discuss the influence of al-Dihlawi's ideas in Malaysia, including their most recent developments. The study adopts a qualitative methodology, specifically using library research and interviews. The study finds that there are some recent developments in relation to the influence of Dihlawi's ideas in Malaysia, particularly in the field of Malay literature. This refers to the application of *Taklif* according to al-Dihlawi's explication in Persuratan Baru (officially translated as "Genuine Literature"), a notion by Mohd. Affandi Hassan which has been applied as a framework for analysing Malay literary texts. This application has formed a distinct academic corpus on al-Dihlawi's thought in Malay literature.*

---

\* Akalily Narmi, Postgraduate Candidate, Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia. Email: akalilynarmi@gmail.com.

\*\* Mohd. Zariat Abdul Rani (corresponding author) (PhD), Associate Professor, Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia. Email: zariat@upm.edu.my.

\*\*\* Kamariah Kamarudin (PhD), Associate Professor, Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia. Email: kkamaria@upm.edu.my.

\*\*\*\* Pabiyah Hajimaming@Toklubok (PhD), Senior Lecturer, Associate Professor, Department of Foreign Languages, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia. Email: pabiyah@upm.edu.my.

**Keywords:** Intellectual development in Malaysia, Islamic scientific tradition, Shah Waliyullah al-Dihlawi, Malay literature, Genuine Literature (an official translation of Persuratan Baru by Mohd. Affandi Hassan)

## Pengenalan

Dalam pengajian tamadun, pencapaian intelektual sesebuah bangsa menjadi aspek penting yang diberikan perhatian yang besar. Pencapaian intelektual ini antaranya turut mencerminkan kemajuan rohani yang telah menyanjung akal yang luhur sehingga mampu untuk membezakan antara kebenaran dengan kepaluan, dan seterusnya dapat menegakkan keadilan dengan meletakkan sesuatu itu pada kedudukannya yang benar. Dalam konteks inilah, Syed Muhammad Naquib al-Attas (2020), berpendapat bahawa istilah *tamaddun* yang bermaksud “*peradaban dan perbaikan dalam budaya masyarakat*” berasal daripada perkataan *maddana* (bermaksud “membangun atau membina kota, membangun peradaban, memurnikan, memanusiakan”), yang dari segi semantiknya berkait rapat dengan kata kerja *dana* (keadaan berhutang) yang berasal daripada kata *din* atau “agama.”<sup>1</sup> Seterusnya, tamadun sesebuah bangsa itu juga lazimnya terbina hasil daripada interaksi dengan tamadun bangsa-bangsa yang lain, iaitu apabila sumber-sumber yang baik dan mulia yang tercetus dalam sesebuah bangsa, diterima oleh bangsa lain yang menggembangkan sesuai dalam konteks mereka sendiri.<sup>2</sup> Dalam konteks inilah, masyarakat Islam di Malaysia menerima pengaruh Shah Waliyullah al-Dihlawi (seterusnya al-Dihlawi), seorang sarjana Islam yang dilahirkan di Phulat, Delhi, India pada 21 Februari 1703. Nama penuh al-Dihlawi ialah al-Imam al-Syeikh Ahmad Qutbuddin Shah Wali Allah Abdul Rahim al-Dihlawi. Dibesarkan dalam keluarga ulama’, al-Dihlawi dikurniakan Ijazah al-‘Alimiyyah daripada Madrasah Al-Rahimiyyah pada usia 18 tahun. Sepanjang hayat beliau, al-Dihlawi telah mengarang kitab-kitab yang menjadi rujukan hingga kini seperti *Hujjat Allah al-Balighah*, *al-Budur al-Bazighah*, *al-Tafhimat al-Ilahiyyah*, *Izalat Al-Khafa* dan *Qurrat Al-Aynayn Fi Tafdhil Al-Syaykhayn*. Al-Dihlawi meninggal dunia pada 20 Ogos 1763 pada usia 61 tahun setelah memberikan sumbangan dalam pelbagai bidang ilmu terutamanya hadis, tasawuf, fekah dan kalam.<sup>3</sup> Setelah kematian beliau, aliran pemikiran al-Dihlawi atau sering diungkapkan sebagai “*tariq al-Dihlawi*” terus dikembangkan oleh anak-anak muridnya hingga ke hari ini. Al-Dihlawi juga dianggap sebagai antara “*mujaddid*” atau pejuang yang mempertahankan kesucian ajaran Islam.<sup>4</sup> Istilah “*tariq al-Dihlawi*” telah digunakan dalam kajian-kajian ilmiah Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1977 & 2016) dan Abdul Hayei Abdul Sukor (1988) untuk merujuk kepada aliran pemikiran al-Dihlawi. Nik Abdul Aziz Nik Hassan (2016) antara lain menjelaskan bahawa istilah “*tariq Shah Waliyullah al-Dihlawi*” merujuk kepada “suatu jalan ilmu yang dimulakan oleh al-Dihlawi yang bertujuan untuk kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan yang tertinggi dan mutlak, melalui kaedah-kaedah tertentu yang mengambil kira faktor ruang, masa serta kebudayaan setempat, selain turut memperhitungkan pemikiran ilmuwan-ilmuwan terdahulu yang berautoritatif dalam bidang-bidang ilmu yang tertentu, dalam usaha memikirkan penyelesaian bagi permasalahan semasa.”<sup>5</sup> Aliran pemikiran al-Dihlawi diakui memberikan pengaruh yang signifikan kepada ramai ulama’ selepasnya seperti Sayyid Ahmad Khan (1817-1898), Mohammad Iqbal (1876-1938) dan Sayyid Abul A’la Mawdudi (1903-1979).<sup>6</sup> Dari segi susur galur, aliran pemikiran al-Dihlawi dikembangkan oleh anak beliau sendiri, Rafiud Din dan diteruskan pula oleh cucu beliau, Muhammad Ismail ibn Abdul Ghani. Pada abad ke-19 Masihi, aliran pemikiran al-Dihlawi dikembangkan oleh pengasas Darul Ulum di Deoband, India iaitu Muhammad Qasim Nanautavi. Usaha ini diteruskan oleh Mahmud al-Hasan al-Hind dan dilanjutkan oleh anak muridnya, Ubaidillah al-Sindhi yang memainkan peranan penting dalam penyebaran aliran pemikiran al-Dihlawi pada pertengahan abad ke 20 Masihi termasuk di Malaysia.<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (2020), *Islam dan Sekularisme*, Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS), Universiti Teknologi Malaysia & Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM), h. 73-76.

<sup>2</sup> Osman Bakar et al. (2009), *Modul Pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 14-22.

<sup>3</sup> Fazlur Rahman Malik (2000), *Revival and Reform in Islam: A Study of Islamic Fundamentalism*, Oxford: Oneworld, h. 171.

<sup>4</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (1988), “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Malaya, h. 73.

<sup>5</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan (2016), *Ide-ide Reformasi Islam Malaysia Kini: Ilham Dari Jiwa Pengajaran Ulama-ulama Tariq Shah Wali Ullah al-Dihlawi Silam di Kelantan*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), h. 61.

<sup>6</sup> Abul Kalam Mohammad Shahed (2010), “Shah Waliullah’s Influence on the Thought of Sayyid Abul A’la Mawdudi,” *The International Journal of Islamic Studies*, Jil. 32, h. 7.

<sup>7</sup> Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1977), “Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlawi di Jajahan Kelantan 1934-1950,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 14-17.

Sehingga kini terdapat beberapa kajian ilmiah yang telah diusahakan mengenai pengaruh aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia. Kehadiran kajian-kajian ilmiah ini dengan sendirinya menjelaskan bahawa aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia merupakan topik yang penting serta wajar diberikan perhatian yang berterusan. Kajian-kajian sedia ada ini diusahakan dengan fokus, skop dan periode yang tertentu seperti tesis sarjana Nik Abdul Aziz (1977) yang memfokuskan soal perkembangan aliran pemikiran *tajdid* mengikut *tariq* al-Dihlawi di Kelantan pada 1934-1950.<sup>8</sup> Tesis kedoktoran Abdul Hayei Abdul Sukor (1988) pula tertumpu pada sumbangan al-Dihlawi terhadap perkembangan ilmu hadis khususnya di Kelantan.<sup>9</sup> Bertitik tolak daripada kedua-dua kajian ini, penting untuk diusahakan satu kajian yang dapat mencakupi perkembangan mutakhir yang belum dicatatkan secara lebih sistematik dan berfokus. Usaha ini wajar kerana adanya beberapa perkembangan mutakhir seperti penerbitan buku *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia* (2007),<sup>10</sup> dan terjemahan kitab *Hujjat Allah al-Balighah* karangan al-Dihlawi ke dalam bahasa Melayu.<sup>11</sup> Ini termasuklah peluasan pengaruh pemikiran al-Dihlawi dalam bidang selain pengajian Islam, iaitu kesusastraan Melayu. Selain itu, disebabkan skop kedua-dua kajian awal di atas tertumpu pada periode tertentu, maka pengkajian sedia ada rata-rata bersifat terpenggal (*fragmented*) mengikut periode yang difokuskan. Dalam konteks ini juga, penting untuk diusahakan satu kajian baharu yang dapat mencakupi beberapa perkembangan mutakhir yang dibincangkan dalam satu konteks perbincangan yang komprehensif dan bersifat kronologikal, bagi memahami susur-galur bermulanya pengaruh aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia, yang telah sedia diamati oleh beberapa kajian awal. Seiring dengan kepentingan di atas, kajian ini bertujuan untuk membincangkan secara kronologikal pengaruh pemikiran al-Dihlawi di Malaysia yang mencakupi beberapa perkembangan mutakhir.

Kajian ini menerapkan metodologi kualitatif khususnya kaedah kepustakaan dan temu bual. Kaedah kepustakaan diguna pakai bagi memperolehi maklumat berkaitan pengaruh pemikiran al-Dihlawi di Malaysia, termasuk perkembangan intelektualisme dan politik antarabangsa, khususnya di India yang dilihat mempengaruhi kehadiran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia. Untuk itu, kajian ini memanfaatkan kajian-kajian awal berkaitan pemikiran al-Dihlawi yang diterbitkan dalam bentuk buku, tesis kedoktoran dan sarjana, artikel, bab dalam buku, kertas kerja termasuk karya kreatif seperti novel. Kaedah temu bual pula digunakan bagi mendapatkan maklumat terkini yang tidak tercatat dalam tulisan-tulisan di atas, dan dilaksanakan melalui telefon, secara separa berstruktur dengan soalan bersifat terbuka atau *open-ended*. Merujuk kepada penerapan kaedah ini, kajian ini telah menemu bual Mohd. Affandi Hassan, seorang penulis dan pengkritik sastera yang terkenal dalam bidang kesusastraan Melayu hari ini. Temu bual dengan Mohd. Affandi Hassan dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengalaman peribadi beliau dalam mengenali dan mempelajari aliran pemikiran al-Dihlawi, yang seterusnya membolehkan beliau untuk memanfaatkan dalam gagasan Persuratan Baru, seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut nanti.

## Pengaruh Pemikiran Shah Waliyullah Al-Dihlawi Di Malaysia

Di Malaysia, pengaruh aliran pemikiran al-Dihlawi hadir pada awal abad ke-20 Masihi di Kelantan, sebuah negeri yang mendapat jolokan “Serambi Mekah” kerana kepesatan kegiatan ilmu yang dikatakan dekat dengan tradisi keilmuan di Mekah.<sup>12</sup> Kepesatan ini turut dimanifestasikan oleh kegiatan *halaqat* (*nizam al-halaqat*) yang merujuk kepada tradisi pengajaran secara berkumpulan iaitu seorang guru mengajar dengan dikelilingi oleh murid-muridnya.<sup>13</sup> Antara ulama’ yang menganjurkan *halaqat* ialah Tok Khurasan atau nama sebenarnya Abu Abdullah Syed Hassan bin Nor Hassan bin Mirza Syah bin Hubaid bin Dar Al-Qolol bin Sheikh Saadi bin Muhammad Uzain bin Abdul Rahman bin Muhammad Akbal bin Umar Al Tuhki Al-Rizali (+1875-1944).<sup>14</sup> Tok Khurasan merupakan generasi lapisan ke-4 yang mewarisi aliran pemikiran atau *tariq* al-Dihlawi. Selepas merantau ke Cape Town di Afrika

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Abdul Hayei (1988), “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi.”

<sup>10</sup> Abdul Salam Muhamad Shukri (2007), *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

<sup>11</sup> Zainuddin Idris & Nik Hassan Nik Abdullah (2015), *Hujjat Allah al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi*, Juzuk 1, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press; Zainuddin Idris & Nik Hassan Nik Abdullah (2015), *Hujjat Allah al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi*, Juzuk 2, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

<sup>12</sup> Mohd Abdul Kamil Hj. Abdul Majid (2018), “Idea Besar Ulama Kelantan Satu Abad,” dalam A. Aziz Deraman & Baharin Ilias (ed.), *Kelantan, Sejarah, Adat dan Warisan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 588-591.

<sup>13</sup> Abdul Hayei (1988), “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi,” h. 171-175.

<sup>14</sup> Nik Abdul Aziz Hj Nik Hassan (1980), “Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940),” *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Jil. 10, h. 177.

Selatan dan Singapura, beliau tiba di Kelantan pada sekitar tahun 1911 atau 1912 dan seterusnya bermastautin di negeri tersebut.<sup>15</sup> Tok Khurasan menerima ijazah hadis daripada Mahmud al-Hasan al-Hind yang ketika itu merupakan pengetua Darul Ulum, Deoband di India. Mahmud al-Hasan al-Hind yang merupakan seorang ulama' hadis mengikut *tariq* al-Dihlawi, juga merupakan guru kepada Ubaidillah al-Sindhi (1870-1944) yang turut memperolehi ijazah *tariq* al-Dihlawi dari Darul Ulum, Deoband. Ini bererti, Tok Khurasan dan Ubaidillah al-Sindhi merupakan ulama' yang sama-sama mendalami *tariq* al-Dihlawi dengan guru yang sama, iaitu Mahmud al-Hasan al-Hind.<sup>16</sup> Pada sekitar 1927, Ubaidillah al-Sindhi berada di Mekah kerana dilarang oleh British untuk kembali ke India. Di Mekah, beliau mengajar ilmu hadis mengikut *tariq* al-Dihlawi di Masjidil Haram.<sup>17</sup> Pada tahun 1939, Ubaidillah al-Sindhi dibenarkan kembali ke India, dan kemudiannya menujuhkan Baitul Hikmah, sebuah pusat pengajian di Jamiah Milliah di Delhi, India.<sup>18</sup> Sesungguhnya, keterangan ini mustahak bagi menjelaskan tentang peranan tokoh-tokoh penting dalam perkembangan aliran pemikiran al-Dihlawi pada awal abad ke-20 Masihi, terutamanya memahami peranan Tok Khurasan dalam perkembangan aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia. Sebagai ulama' yang menerima ijazah hadis daripada Mahmud al-Hasan al-Hind, *halaqat* Tok Khurasan memberikan ilmu pengenalan tentang pemikiran al-Dihlawi kepada masyarakat di Kelantan.<sup>19</sup>

Lebih menarik apabila *halaqat* Tok Khurasan turut diikuti oleh ulama' tempatan yang masyhur, antaranya Wan Musa Wan Abdul Samad Tuan Tabal yang dilantik sebagai Mufti Kelantan pada 1909.<sup>20</sup> Sebagai seorang mufti, Wan Musa berpendapat bahawa perkembangan ilmu di Kelantan harus dibebaskan daripada belenggu "taklid buta" (ikutan secara melulu), dan justeru penekanan wajar diberikan terhadap penguasaan ilmu al-Quran dan hadis sebagai sumber untuk berijihad atau mengutarakan fatwa bagi menyelesaikan masalah semasa.<sup>21</sup> Soal pemikiran Wan Musa ini penting bagi memahami tindakan beliau yang mendorong anak-anaknya iaitu Nik Abdullah, Nik Muhammad Salleh dan Nik Mahmud untuk mendalami ilmu al-Quran dan Hadis sebagai sumber ijihad, yang akhirnya memperkenalkan mereka dengan aliran pemikiran al-Dihlawi.<sup>22</sup> Anak sulung Wan Musa bernama Nik Abdullah merupakan anak tempatan pertama yang mempelajari aliran pemikiran al-Dihlawi dengan Ubaidillah al-Sindhi di Mekah. Sebelum itu, Nik Abdullah belajar ilmu fiqh syafiiyah, usuluddin, tasawuf, nahu dan saraf bahasa Arab daripada ayahnya serta ulama' lain seperti Tok Kenali dan Tok Khurasan.<sup>23</sup> *Halaqat* Tok Khurasan yang diikutinya selama empat tahun telah mempersiapkan Nik Abdullah dengan ilmu fekah, termasuk ilmu al-Quran dan hadis. Justeru, apabila Nik Abdullah bertemu dengan Ubaidillah al-Sindhi di Mekah, beliau dianggap sudah memiliki ilmu-ilmu asas yang mencukupi untuk mendalami ilmu hadis mengikut *tariq* al-Dihlawi.<sup>24</sup> Setelah tamat pengajian, Nik Abdullah kembali ke Kelantan pada Oktober 1934 dan giat menganjurkan kuliah agama khususnya yang mengajar kaedah pentafsiran al-Quran dan hadis menurut pemikiran al-Dihlawi, dalam usaha untuk melahirkan ulama' tempatan yang mampu berijihad.<sup>25</sup> Dalam konteks ini, Abdul Hayei berpendapat bahawa Nik Abdullah telah memainkan peranan dalam mencetuskan gerakan pemikiran tajdid atau pembaharuan di Kelantan melalui aliran pemikiran al-Dihlawi yang dipelajarinya dengan Ubaidillah al-Sindhi di Mekah.<sup>26</sup>

<sup>15</sup> Soal tahun Tok Khurasan tiba di Kelantan iaitu sama ada 1911 atau 1912 tercatat dalam Ismail Che Daud (2012), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 389-391.

<sup>16</sup> Darul Ulum, Deoband diasaskan oleh Muhammad Qasim Nanautavi yang mewarisi *tariq* al-Dihlawi. Sila rujuk Aizan Hj Ali@Mat Zin (1999), "Islamic Institution of Education in British India: A Study on Deoband Madrasah," *Jurnal Usuluddin*, Jil. 9, h. 117-119; Abdul Hayei (1988), "Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi," h. 186-191.

<sup>17</sup> Pada awal abad ke-20, umat Islam di India sedang berjuang melepaskan diri daripada penjajahan British. Pada ketika itu, Ubaidillah al-Sindhi bersama gurunya, Mahmud al-Hasan al-Hind mengatur gerakan bagi memperkuatkan kedudukan politik umat Islam di India. Ketika British mengisytiharkan perang ke atas Turki pada 1915, Ubaidillah al-Sindhi berada di Kabul, Afghanistan bagi memberikan sokongan kepada Turki. Ubaidillah al-Sindhi kemudiannya bermastautin di Mekah selama lebih 10 tahun. Sila rujuk Nik Abdul Aziz (1977), "Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlawi di Jajahan Kelantan 1934-1950," h. 17-21.

<sup>18</sup> Naim Ullah Khan (1981), "Political Ideas and Role of Maulana Obaidullah Sindhi," Tesis Ijazah Kedoktoran, Aligarh Muslim University, h. 224.

<sup>19</sup> Abdul Hayei (1988), "Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi," h. 199 & 245.

<sup>20</sup> Abdul Razak Mahmud (2017), *Biografi Singkat 40 Ulama' Terpilih Negeri Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 96.

<sup>21</sup> Nik Abdul Aziz (1977), "Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlawi di Jajahan Kelantan 1934-1950," h. 58-69; Nik Muhammad Salleh & S. Othman Kelantan (1974), "Theological Debates: Wan Musa b. Haji Abdul Samad and His Family," dalam William W. Roff (ed.), *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 159.

<sup>22</sup> Nik Abdul Aziz (1977), "Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlawi di Jajahan Kelantan 1934-1950," h. 59.

<sup>23</sup> Nik Abdul Aziz (1980), "Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940)," h. 181-182.

<sup>24</sup> Nik Abdul Aziz (1977), "Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlawi di Jajahan Kelantan 1934-1950," h. 75-76 dan h. 251.

<sup>25</sup> Ibid., h. 88-89.

<sup>26</sup> Abdul Hayei (1988), "Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi," h. 317.

Selepas kematian Nik Abdullah pada 24 Mei 1935, perkembangan aliran pemikiran al-Dihlawi di Kelantan kemudiannya banyak digerakkan oleh daya usaha adiknya, Nik Muhammad Salleh.<sup>27</sup> Kuliah-kuliah Nik Abdullah telah mendedahkan Nik Muhammad Salleh kepada pemikiran al-Dihlawi.<sup>28</sup> Selepas Nik Abdullah meninggal dunia, Nik Muhammad Salleh yang ketika itu berusia 16, dihantar oleh Wan Musa ke Mekah untuk belajar dengan Ubaidillah al-Sindhi. Akan tetapi, Ubaidillah al-Sindhi berpendapat bahawa Nik Muhammad Salleh belum memiliki ilmu asas untuk mempelajari *tariq* al-Dihlawi, dan menasihatkannya untuk belajar terlebih dahulu di Darul Ulum, Deoband, India.<sup>29</sup> Akur dengan nasihat itu, Nik Muhammad Salleh kemudiannya berangkat ke Deoband sehingga tamat pengajian di Darul Ulum.<sup>30</sup> Pada 12 Jun 1940, Nik Muhammad Salleh berangkat ke Delhi untuk belajar di Jamiah Millia.<sup>31</sup> Pada masa yang hampir sama, Ubaidillah al-Sindhi telah dibenarkan kembali ke India, dan menjadi guru besar di Baitul al-Hikmah, salah satu kuliah di Jamiah Millia. Perkembangan ini menyemarakkan semula cita-cita asal Nik Muhammad Salleh untuk mempelajari aliran pemikiran al-Dihlawi dengan Ubaidillah al-Sindhi. Nik Muhammad Salleh menuntut selama tiga tahun di Baitul al-Hikmah dan lulus dengan gelaran “Ulama Besar.” Sekembalinya beliau di Kelantan pada 1946,<sup>32</sup> Nik Muhammad Salleh meneruskan usaha abangnya dalam mengajar aliran pemikiran al-Dihlawi. Kuliah Nik Muhammad Salleh mendapat sambutan kerana kaedah pengajarannya yang dianggap baharu, iaitu pengajian berasaskan al-Quran dan tidak terbatas pada mazhab tertentu sahaja.<sup>33</sup> Nik Muhammad Salleh memulakan siri “Kuliah Pengajian al-Quran.” Isi kuliah ini dicatatkan oleh anak-anak muridnya dan dihimpunkan dalam satu manuskrip berjudul “Kuliah Pengajian al-Quran.”<sup>34</sup> Dalam perkembangan ilmu tafsir di Alam Melayu, manuskrip ini dirujuk secara meluas bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di Selatan Thailand dan Brunei.<sup>35</sup> Sehingga kini, manuskrip “Kuliah Pengajian al-Quran” masih dijadikan sebagai rujukan oleh anak-anak murid Nik Muhammad Salleh antaranya iaitu Zainuddin Idris, Nik Hassan Nik Abdullah, Nik Abdul Aziz Nik Hassan, Alwi Noordin dan Lukman Abdul Latiff.<sup>36</sup>

Salah seorang anak murid Nik Muhammad Salleh, iaitu Zainuddin Idris gigih meneruskan perjuangan dalam mengembangkan aliran pemikiran al-Dihlawi selepas gurunya itu meninggal dunia pada 1971. Zainuddin atau lebih dikenali dalam kalangan masyarakat setempat dengan nama Ustaz Din, dilahirkan pada 14 Julai 1937 di Kubang Kerian, Kelantan. Ayahandanya, Idris merupakan seorang yang sangat mencintai ilmu sehingga Zainuddin membesar dalam suasana pengajian pondok. Zainuddin yang mendapat pendidikan asas agama melalui ayahandanya, juga bersekolah di Sekolah Melayu Kubang Kerian. Beliau menuntut ilmu agama secara formal di Pondok Tok Guru Haji Aziz di Pendang, Kedah, dan kemudiannya belajar dengan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir di Pondok Bunut Payung, Kota Bharu, Kelantan, selain pernah berguru antaranya dengan Tuan Haji Mohd Yunus, Haji Muhammad Nor Haji Ibrahim dan Tuan Haji Ali. Beliau belajar ilmu nahu dan saraf bahasa Arab dan ilmu feqah, dan lebih cenderung mempelajari kitab-kitab dalam bahasa Arab terutamanya dalam ilmu tafsir dan ilmu feqah.<sup>37</sup>

Zainuddin mula mempelajari aliran pemikiran al-Dihlawi dengan Nik Muhammad Salleh pada tahun 1966.<sup>38</sup> Di bawah bimbingan Nik Muhammad Salleh, Zainuddin mempelajari kitab-kitab karangan al-Dihlawi terutamanya *Hujjat Allah al-Balighah*. Setelah Nik Muhammad Salleh meninggal dunia, Zainuddin meneruskan usaha gurunya itu dengan mengajar kitab-kitab karangan al-Dihlawi seperti *Hujjat Allah al-Balighah*, *Fawz al-Kabir*, *Tafsir al-Quran al-Hakim* dan *Tafhimat al-Ilahiyyah*. Zainuddin turut mengusahakan terjemahan dan huraian beberapa kitab al-Dihlawi seperti *Muwatta'*, *al-Insafi Bayan Sabab al-Ikhtilaf* dan *Iqd al-Jid*. Pada tahun 2007, Zainuddin bersama seorang lagi anak murid Nik Muhammad Salleh iaitu Nik Hassan Nik Abdullah (seterusnya Nik Hassan) menghasilkan *Ikhtisas Hujjat Allah al-Balighah Jilid 1* yang diterbitkan pada tahun 2007 oleh Pertubuhan Pengajian Islam Negeri Kelantan (PPINK).<sup>39</sup> PPINK merupakan sebuah pertubuhan yang ditubuhkan pada 1992 dengan Zainuddin serta anak-anak murid Nik Muhammad Salleh yang lain. Melalui PPINK, mereka

<sup>27</sup> Nik Abdul Aziz (1977), “Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlavi di Jajahan Kelantan 1934-1950,” h. 67-70.

<sup>28</sup> Mustaffa Abdullah (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 118.

<sup>29</sup> Nik Abdul Aziz (1977), “Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlavi di Jajahan Kelantan 1934-1950,” h. 96-97.

<sup>30</sup> Zainuddin & Nik Hassan (2015), *Hujjat Allah al-Balighah*, Juzuk 1, h. 868.

<sup>31</sup> Nik Abdul Aziz (1977), “Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlavi di Jajahan Kelantan 1934-1950,” h. 97.

<sup>32</sup> Nik Muhammad Salleh & S. Othman (1974), “Theological Debates,” h. 166-167.

<sup>33</sup> Mustaffa (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, h. 120-121

<sup>34</sup> Fadhilah Adibah Ismail (2010), “Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam Pengajian Al-Qur'an: Kajian Terhadap Kitab Kuliah Pengajian Al-Qur'an,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, h. 49-54.

<sup>35</sup> Mustaffa (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, h. 123.

<sup>36</sup> Fadhilah (2010), “Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa,” h. 57.

<sup>37</sup> Ibid., h. 58; Mustaffa (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, h. 154-156.

<sup>38</sup> Fadhilah (2010), “Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa,” h. 58.

<sup>39</sup> Mustaffa (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, h. 157-158.

aktif menganjurkan kuliah di Kampung Binjai, Badang, Jalan Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu. Sehingga tahun 2010, Zainuddin masih mengajar di Surau Kampung Binjai, selain mengusahakan penterjemahan dan penulisan semula *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* berdasarkan catatan tangan Nik Abdullah ketika menuntut dengan Ubaidillah al-Sindi di Mekah.<sup>40</sup> Sumbangan Zainuddin yang signifikan ialah menterjemahkan kitab *Hujjat Allah al-Balighah* karangan al-Dihlawi ke dalam bahasa Melayu bersama Nik Hassan yang juga merupakan anak murid Nik Muhammad Salleh, dengan judul "Hujjat Allah al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi." Terjemahan bahasa Melayu ini diterbitkan oleh Penerbit UIAM dalam dua juzuk. Juzuk II terbit terlebih dahulu iaitu pada 2010, dan diikuti dengan penerbitan Juzuk I pada 2011. Kedua-dua juzuk ini kemudiannya diulang cetak pada tahun 2015. Dalam prakatanya, Zainuddin dan Nik Hassan Nik Abdullah menjelaskan bahawa *Hujjat Allah al-Balighah* merupakan sebuah kitab yang dikarang bagi menjelaskan rahsia agama dan hikmah dalam hadis Rasulullah s.a.w. Prakata ini turut mencatatkan sanad pembelajaran kitab *Hujjat Allah al-Balighah* yang dipelajari daripada guru mereka, Nik Muhammad Salleh dan Nik Abdullah, yang mempelajarinya daripada Ubaidillah al-Sindi, yang mempelajarinya daripada Mahmud al-Hasan al-Hind, yang mempelajarinya daripada Muhammad Qasim Nanautavi, yang mempelajarinya daripada Muhammad Ishaq al-Dihlawi, yang mempelajarinya daripada Imam 'Abd al-Aziz al-Dihlawi, yang mempelajarinya daripada al-Imam Hakim al-Hind al-Shaykh Wali Allah bin 'Abd al-Rahim al-Dihlawi.<sup>41</sup> Ini bererti, terjemahan dan anotasi *Hujjat Allah al-Balighah* diusahakan oleh dua orang ilmuwan yang memperolehi ilmu yang bersusur-galur daripada al-Dihlawi sendiri sebagai pengarang kitab.

Nik Hassan dilahirkan pada 13 Julai 1946 di Kota Bharu, Kelantan. Nik Hassan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Abdul Hadi, Jalan Pantai Cahaya Bulan dan seterusnya Sultan Ismail College, Kota Bharu, Kelantan. Beliau kemudian meneruskan pengajian di Malayan Teacher's College, Pulau Pinang dan berkhidmat sebagai guru mata pelajaran sains. Setelah beberapa tahun berkhidmat, Nik Hassan menyambung pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga memperolehi ijazah sarjana muda dalam bidang perancangan dan pembangunan pada tahun 1978. Selepas bergraduat, Nik Hassan meneruskan perkhidmatan sebagai guru bagi mata pelajar ekonomi untuk pelajar tingkatan enam. Nik Hassan mula mengikuti kuliah-kuliah Nik Muhammad Salleh sejak berusia 14 tahun. Setelah gurunya itu meninggal dunia, Nik Hassan meneruskan pengajian di bawah bimbingan Zainuddin Idris. Sepanjang pengajiannya, Nik Abdullah mendalami kitab-kitab karangan al-Dihlawi antaranya *Hujjat Allah al-Balighah*, *al-Fawz al-Kabir fi Usul al-Tafsir* dan *al-Budur al-Bazighah*.<sup>42</sup> Dalam pengenalan yang ditulisnya bagi juzuk dua terjemahan *Hujjat Allah al-Balighah* ke dalam bahasa Melayu, Nik Abdullah ada menyatakan bahawa kitab al-Dihlawi tersebut dapat membantu seorang ilmuwan dalam berijtihad.<sup>43</sup> Bersama-sama Alwi Noordin, Nik Hassan turut menerbitkan artikel bertajuk "Kebahagiaan, Akhlak dan Hijab Mengikut Falsafah Shah Wali Allah al-Dihlawi" (2007). Nik Hassan juga merupakan Naib Yang Dipertua Pertubuhan Pengajian Islam Negeri Kelantan (PPINK).<sup>44</sup>

Seterusnya, korpus mengenai pengaruh aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia banyak diperkayakan oleh hasil-hasil kajian yang diusahakan oleh Nik Abdul Aziz Nik Hassan, seorang ahli sejarah yang pernah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dilahirkan pada 26 September 1948, Nik Abdul Aziz merupakan cucu kepada Wan Musa Haji Abdul Samad. Ayah beliau yang bernama Haji Nik Hassan Haji Nik Mat merupakan menantu kepada Wan Musa, dan pernah menuntut di Mekah serta mengajar agama secara *halaqat* termasuk di Madrasah al-Islah di Kelantan. Dengan latar belakang keluarga yang sedemikian, maka tidak hairanlah apabila Nik Abdul Aziz memperlihatkan minat yang tinggi dan konsisten terhadap aliran pemikiran al-Dihlawi. Antara sumbangan Nik Abdul Aziz yang penting ialah tesis ijazah sarjana beliau bertajuk "Tariq Shah Wali Ullah Al-Dihlawi di Jajahan Kota Bharu 1934-1950" (1977). Tesis ini antara lain membicarakan tentang kegiatan ilmu di Kota Bharu pada awal abad ke-20 Masihi yang dikatakan cenderung kepada pendekatan pembelajaran yang bersifat *taklid*.<sup>45</sup> Dalam konteks ini, tesis Nik Abdul Aziz mengetengahkan peranan Nik Abdullah dalam memperkenalkan aliran pemikiran al-Dihlawi di Jajahan Kota Bharu, hasil dorongan ayahnya, Wan Musa, selain peranan Nik Muhammad Salleh selepas kematian Nik Abdullah. Dalam konteks peranan kedua-dua ulama' ini, tesis Nik Abdul Aziz antara lain menyimpulkan bahawa penerimaan masyarakat tempatan terhadap aliran pemikiran al-Dihlawi di Kota Bharu, Kelantan dibantu oleh faktor latar

<sup>40</sup> Fadhilah (2010), "Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa," h. 57-60.

<sup>41</sup> Zainuddin & Nik Hassan (2015), *Hujjat Allah al-Balighah*, Juzuk 1, h. xiii-xiv.

<sup>42</sup> Fadhilah (2010), "Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa," h. 60- 61.

<sup>43</sup> Zainuddin & Nik Hassan (2015), *Hujjat Allah al-Balighah*, Juzuk 2, h. xi.

<sup>44</sup> Abdul Salam (2007), *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi*, h. iii-iv dan xii.

<sup>45</sup> Nik Abdul Aziz (1977), "Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlawi di Jajahan Kelantan 1934-1950," h. 47.

belakang keluarga serta keturunan Nik Abdullah dan Nik Muhammad Salleh yang berpengaruh dalam hal ehwal agama. Hal ini kerana aliran pemikiran al-Dihlawi banyak mencetuskan perselisihan dengan aliran pemikiran ulama' tradisional pada ketika itu. Tidak kurang penting ialah sambutan masyarakat tempatan sendiri yang membolehkan pemikiran al-Dihlawi berkembang dengan pesat di Kelantan.<sup>46</sup>

Dalam perkembangan yang lebih terkini, Nik Abdul Aziz menerbitkan buku bertajuk *Ide-Ide Reformasi Islam Malaysia Kini: Ilham dari Jiwa Pengajaran Ulama-ulama Tariq Shah Wali Ullah al Dihlawi Silam Kelantan* (2016). Buku ini memuatkan tulisan-tulisan Nik Abdul Aziz yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu tulisan berkaitan *tariq* al-Dihlawi termasuk pengaruh serta perkembangannya di Kelantan, dan tulisan yang membicarakan isu serta persoalan semasa di Malaysia yang relevan dengan *tariq* Al-Dihlawi. Nik Abdul Aziz antara lain mengutarkan tentang kerelevan metode pemikiran al-Dihlawi dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini kerana pemikiran al-Dihlawi mengambil kira faktor ruang, masa dan budaya setempat, dengan menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai sumber rujukan yang paling berautoriti. Metode ini menjadikan *tariq* al-Dihlawi sebagai satu aliran pemikiran yang dinamik serta bersifat sejagat menjunjung nilai-nilai kebaikan dan kebenaran, dan bukannya bersifat *ethnocentrism* atau kedaerahan.<sup>47</sup>

Selain itu, korpus mengenai aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia turut disumbangkan oleh Abdul Hayei yang menyiapkan tesis kedoktoran bertajuk "Sumbangan Shah Waliullah al-Dihlawi kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan" (1988). Abdul Hayei yang pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya turut menganggotai Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, Majlis Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dan Dewan Ulama Majlis Agama Islam Kelantan. Dilahirkan pada 6 November 1947 di Pasir Mas, Kelantan, Abdul Hayei mendapat pendidikan awal di Sekolah Pondok Pasir Tumboh, Ma'had Muhammadi di Kota Bharu dan Darul Ulum di Deoband, India, dan kemudiannya menumpukan pengajian dalam bidang al-Quran dan hadis di Universiti al-Azhar pada peringkat ijazah sarjana muda.<sup>48</sup> Latar belakang pendidikan beliau terutamanya di Darul Ulum di Deoband, India dilihat mempengaruhi minat Abdul Hayei terhadap soal pengaruh pemikiran al-Dihlawi di Malaysia. Tesis Abdul Hayei antara lain menghujahkan bahawa kedatangan Tok Khurasan ke Kelantan adalah didorong oleh dua faktor, iaitu mengembangkan ajaran Islam khususnya pengajian ilmu hadis, dan kedudukannya sebagai "pelarian politik" yang menerima tekanan daripada penjajah British di India. Abdul Hayei juga membangkitkan tentang peranan *halaqat* Tok Khurasan yang signifikan dalam perkembangan ilmu hadis di Kelantan pada awal abad ke- 20 Masihi. Sebagai ulama' yang menerima ijazah hadis daripada Mahmud al-Hasan al-Hind (yang merupakan generasi lapisan ke-4 yang mewarisi pemikiran al-Dihlawi), Abdul Hayei berpendapat bahawa kehadiran Tok Khurasan di Kelantan dengan sendirinya membawa bersama ilmu hadis mengikut *tariq* al-Dihlawi. Peranan Tok Khurasan antaranya dapat dilihat pada kesediaan Ubaidillah al-Sindi menerima Nik Abdullah sebagai pelajar yang dianggapnya telah memiliki ilmu asas iaitu ilmu yang diperolehnya melalui *halaqat* Tok Khurasan, untuk mempelajari *tariq* al-Dihlawi. Dalam konteks ini, tesis Abdul Hayei memperakarkan sumbangan Tok Khurasan dalam mengasaskan pengajian ilmu hadis di Kelantan, yang memungkinkan bermulanya gerakan *tajdid* mengikut aliran pemikiran al-Dihlawi yang dirintis oleh Nik Abdullah.<sup>49</sup>

Seterusnya, kajian ini turut mengamati peranan yang dimainkan oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dalam perkembangan pemikiran al-Dihlawi di Malaysia sepanjang dua dekad kebelakangan ini. Hal ini merujuk kepada peranan Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM dan Qur'anic Youth Club, UIAM yang menganjurkan Seminar Sehari: Shah Wali Allah al-Dihlawi: Sumbangannya Terhadap Pemikiran di Nusantara, bertempat di Auditorium Utama, UIAM, Kampus Gombak pada 10 Mei 2003. Seminar ini diisi dengan pembentangan kertas kerja antaranya oleh staf akademik UIAM sendiri seperti Dr. Abdul Salam Muhamad Shukri dan Dr. Wan Mohd. Azam Mohd. Amin. Anggota PPINK termasuk Yang Dipertuanya, Lukman Abdul Latif, Naib Yang Dipertua iaitu Nik Hassan Nik Abdullah, dan ahli jawatankuasanya iaitu Zainuddin Idris, Nik Abdul Aziz Nik Hassan dan Alwi Noordin turut membentangkan kertas kerja. Begitu juga peranan Penerbit UIAM dalam menerbitkan dua juzuk terjemahan bahasa Melayu kitab *Hujjat Allah al-Balighah*. Selain itu ialah peranan Pusat Penyelidikan

<sup>46</sup> Ibid., h. 36-48, 71-75, 95-111 dan 220.

<sup>47</sup> Nik Abdul Aziz (2016), *Ide-ide Reformasi Islam Malaysia Kini*, h.115-116.

<sup>48</sup> Mustaffa (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, h. 162.

<sup>49</sup> Abdul Hayei (1988), "Sumbangan Shah Waliullah al-Dihlawi," h. 190-191, 184-209, 224-225 dan 317.

Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang mengambil inisiatif dalam menerbitkan kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sehari: Shah Wali Allah al-Dihlawi: Sumbangannya Terhadap Pemikiran di Nusantara dalam buku bertajuk *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, suntingan Abdul Salam Muhammad Shukri pada tahun 2007. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pemikiran al-Dihlawi dalam pelbagai perspektif, dan pengaruh Pemikiran al-Dihlawi di Malaysia. Buku ini turut menerbitkan semula tulisan Nik Muhammad Salleh Wan Musa mengenai ketokohan al-Dihlawi yang diterjemahkan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu oleh Lukman Abdul Latif dengan judul “Beberapa Nukilan Tentang Ketokohan Shah Wali Allah al-Dihlawi.” Dalam prakata buku ini, Profesor Dr. Mohd. Kamal Hassan, selaku rektor UIAM ketika itu antara lain memperakarkan ketokohan al-Dihlawi serta sumbangan pemikirannya di Malaysia. Turut disebut ialah kesignifikanan peranan yang dimainkan PPINK dalam menyemarakkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat.<sup>50</sup>

Lebih menarik lagi apabila kajian ini turut mengesahkan pengaruh pemikiran al-Dihlawi dalam kegiatan ilmu selain bidang pengajian Islam. Ini merujuk kepada pengaruh pemikiran al-Dihlawi dalam kegiatan sastera Melayu masa kini, hasil daya usaha Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi), seorang penulis dan pengkritik yang disegani. Mohd. Affandi dilahirkan di Kampung Seberang, Pasir Mas, Kota Bharu, Kelantan pada 9 Mac 1940, dalam keluarga berketurunan ulama' dari Patani.<sup>51</sup> Moyang beliau (daripada sebelah ibu) bernama Haji Muhammad Taib bin Abdul Rahman bin Tok Tama (terkenal dengan nama “Haji Taib Seberang Pasir Mas”), merupakan seorang guru agama, qari dan pendekar yang masyhur ketika zaman negeri Kelantan di bawah pemerintahan Sultan Ismail ibn Sultan Muhammad IV. Ayah kepada Haji Muhammad Taib bernama Abdul Rahman, seorang pahlawan terkenal di Kelantan ketika pemerintahan Sultan Mansor ibn Sultan Ahmad. Haji Muhammad Taib mempunyai anak bernama Haji Zakaria (1918-1924), iaitu datuk kepada Mohd. Affandi. Haji Zakaria merupakan seorang guru perintis di Madrasah Pasir Mas dan qari al-Quran yang terkenal dengan kelunukan suaranya sehingga digelar “Haji Zakaria Merak Mas.”<sup>52</sup>

Dengan latar belakang keluarga yang sedemikian, maka tidak hairan jika Mohd. Affandi memperlihatkan pemahaman yang mendalam terhadap tradisi keilmuan Islam. Hal ini jelas apabila tulisan-tulisan beliau menilai secara kritis kegiatan sastera Melayu masa kini berdasarkan konsep “ilmu yang benar” di sisi Islam. Beliau menghujahkan bahawa konsep “sastera moden” yang diperkenalkan oleh Barat dan menjadi pegangan dalam kegiatan sastera Melayu moden, menjadi punca kekeliruan ilmu dalam kalangan sasterawan yang kemudiannya menghasilkan karya-karya sastera yang memperagakan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam. Bagi mengatasi masalah yang melanda kegiatan sastera Melayu moden ini, Mohd. Affandi mengajukan “Persuratan Baru” iaitu satu gagasan pemikiran berdasarkan pandangan hidup (*worldview*) Islam yang berpaksikan ajaran Tauhid. Dengan pandangan hidup Islam, kegiatan penulisan menjadi satu bentuk ibadah atau pengabdian manusia kepada Allah s.w.t.<sup>53</sup> Dalam usaha memperjelaskan tentang sastera sebagai ibadah, Mohd. Affandi memanfaatkan huraian al-Dihlawi tentang *taklif* dalam kitab *Hujjat Allah al-Balighah*.<sup>54</sup> Mohd. Affandi mula diperkenalkan kepada pemikiran al-Dihlawi sejak usia remaja ketika belajar tafsir al-Quran dengan Ustaz Wan Ismail Wan Nawang. Kemudiannya, sekitar tahun 1971, Mohd. Affandi mula membaca secara serius catatan kuliah Nik Muhammad Salleh tentang pemikiran al-Dihlawi yang diberikan oleh Ustaz Abdul Hadi Mahmud, yang berkhidmat dalam Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT). Ustaz Abdul Hadi Mahmud turut menghadiahkan Mohd. Affandi tulisan-tulisan al-Dihlawi yang dihuraikan oleh Nik Muhammad Salleh.<sup>55</sup> Hasil penelitiannya, Mohd. Affandi memahami bahawa pengertian *taklif* mengandungi falsafah yang memperakarkan tanggungjawab manusia untuk beribadah kepada Allah s.w.t. yang merupakan hakikat atau fitrah kejadiannya.<sup>56</sup> Pemahaman Mohd. Affandi ini jelas seiring dengan huraian al-Dihlawi tentang *taklif* yang diungkapkan

<sup>50</sup> Abdul Salam (2007), *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi*, h. iii-xxviii.

<sup>51</sup> Nur Fatiha Fadila Abu Bakar (2014), “Intelektualisme dalam Lima Novel Anwar Ridhwan Dari Sudut Persuratan Baru,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia, h. 63-64.

<sup>52</sup> Ismail (2012), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, h. 611.

<sup>53</sup> Bagi memahami gagasan “Persuratan Baru,” sila rujuk antaranya Mohd. Affandi Hassan (1992), *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Mohd. Affandi Hassan (1997), *Pujangga Melayu*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti; Mohd. Affandi Hassan et al. (2008), *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>54</sup> Mohd. Affandi (1997), *Pujangga Melayu*, h. 167, 381 dan 408; Mohd. Affandi et al. (2008), *Gagasan Persuratan Baru*, h. 59, 89, 167 dan 181-183.

<sup>55</sup> Mohd. Affandi Hassan, Temu bual pada 5 Januari 2021.

<sup>56</sup> Mohd. Affandi (1997), *Pujangga Melayu*, h. 408.

لخُطُرِ التَّكْلِيفِ بِأَنْ تَتَعَرَّضَ لِعَهْدِ النَّكْلِيفِ أَوْ لِعَذَابِ الْمُنْعَصِيَةِ:-<sup>57</sup> atau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Zainuddin Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah sebagai, ..menggantungkan kesanggupan tanggungjawab dengan dibentangkan kebimbangan pahala dan siksa kerana taat dan maksiat.”<sup>58</sup> Dalam tulisannya, Mohd. Affandi dengan jelas menyebutkan nama al-Dihlawi dan kitab *Hujjat Allah al-Balighah* sebagai sumber rujukannya tentang pengertian dan falsafah *taklif*.<sup>59</sup>

Kajian ini mendapati bahawa pemanfaatan pemikiran al-Dihlawi oleh Mohd. Affandi dalam “Persuratan Baru” memberikan pengaruh yang tersendiri dalam bidang pengkajian kesusasteraan Melayu. Hal ini jelas apabila selepas Mohd. Affandi memanfaatkan pemikiran al-Dihlawi itu, lahir kajian-kajian ilmiah lain yang membahaskan falsafah *taklif* dalam bidang kesusasteraan dengan rujukan terhadap tulisan-tulisan Mohd. Affandi dan “Persuratan Baru.”<sup>60</sup> Antaranya, kajian Zulkarnain Mohamed yang menggabungkan konsep *taamul* dengan *taklif* bagi menjelaskan soal penting penghasilan karya sastera yang diasaskan pada ilmu yang benar, selain tanggungjawab dalam menyampaikan ilmu yang benar itu melalui karya sastera.<sup>61</sup> Selain itu ialah kajian Adli Hj Yaacob dan Siti Nadhirah Kassim yang menjadikan gagasan “Persuratan Baru” dan kitab *Hujjat Allah al-Balighah* sebagai bahan kajian utama dalam menghuraikan kesusasteraan menurut Islam.<sup>62</sup> Selain itu ialah penerapan falsafah *taklif* menurut al-Dihlawi sebagai kerangka bagi menganalisis teks sastera Melayu. Penerapan ini antaranya diusahakan dalam tesis kedoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani yang menerapkan Persuratan Baru termasuk falsafah *taklif* bagi merungkaikan permasalahan tentang kecenderungan novel-novel Melayu terhadap seks dan seksualiti.<sup>63</sup> Begitu juga analisis Ungku Maimunah Mohd. Tahir terhadap *Pujangga Melayu*, sebuah novel karya Mohd. Affandi yang dianggap memanifestasikan falsafah *taklif* sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Dihlawi.<sup>64</sup> Tesis sarjana Elizatul Nastaysah Kamaruddin pula menerapkan falsafah *taklif* bagi menganalisis soal representasi watak-watak wanita dalam kesusasteraan Melayu moden.<sup>65</sup> Manakala tesis sarjana Nurul Atira Tonya pula menerapkan falsafah *taklif* bagi menilai manifestasi pluralisme agama dalam filem “Sepet” dan “Muallaf” arahan Yasmin Ahmad.<sup>66</sup> Kajian-kajian lain ialah artikel Tuan Sanira Mohd. Zawawi, Asmiaty Amat & Esterlina Moo Chin Len Lazarus bertajuk “Unsur Tauhid dan Taklif dalam Novel *Murtad*” dan Mohd. Adi Amzar & Zulkarnain Mohamed, “Penilaian Konsep *Taklif* dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El Shirazy.”<sup>67</sup> Adalah jelas bahawa dalam bidang kesusasteraan Melayu masa kini, pemanfaatan pemikiran al-Dihlawi telah melonjak pada satu tahap yang berbeza, iaitu daripada pemanfaatannya dalam pemikiran sastera kepada penerapannya sebagai kerangka bagi analisis menganalisis teks-teks sastera Melayu.

## Kesimpulan

Kajian ini berhasil dalam membincangkan secara kronologikal pengaruh pemikiran al-Dihlawi di Malaysia yang mencakupi perkembangan mutakhir. Antaranya, soal pengaruh aliran pemikiran al-Dihlawi yang bermula di Kelantan seawal abad ke-20 Masihi melalui usaha tokoh-tokoh ulama’ seperti Tok Khurasan dan Wan Musa Wan Abdul Samad Tuan Tabal terutamanya dua orang anaknya, Nik Abdullah dan Nik Muhammad Salleh. Aliran pemikiran al-Dihlawi yang dibawa oleh mereka itu pula

<sup>57</sup> Shah Waliyullah al-Dihlawi (2005), *Hujjat Allah al-Balighah Juzuk 1*, Beirut: Dar al Jail li al-Nasyr wa al-Thibaa’ah wa al-Tauzi’, h. 53-54.

<sup>58</sup> Zainuddin & Nik Hassan (2015), *Hujjat Allah al-Balighah*, Juzuk 1, h. 69-70.

<sup>59</sup> Mohd. Affandi et al. (2008), *Gagasan Persuratan Baru*, h. 167.

<sup>60</sup> Untuk perbincangan khusus dan lebih terperinci mengenai pemanfaatan falsafah *Taklif* dalam Persuratan Baru, sila rujuk Akalily Narmi, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin, Pabyiah Hajimaming@Toklubok & Samsilah Roslan (2021), “Shah Wali Allah Al-Dihlawi’s Ideas on The Study of Modern Malay Literature,” *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Jil. 11, Bil. 8, h. 876-888.

<sup>61</sup> Zulkarnain Mohamed (2011), “Pendekatan Taamul-Taklif dalam Kajian Sastera,” *Jurnal SARI*, Jil. 29, Bil. 1, h. 150-152.

<sup>62</sup> Adli Hj Yaacob & Siti Nadhirah Kassim (2015), “Syeikh Waliyullah al-Dihlawi and His Kitab *Hujjatul al-Balighah* and Muhammad Affandi Hassan and His Theory of ‘Gagasan Persuratan Baru’: A Brief Study of the Concept of Islamic Literature,” Prosiding, 5<sup>th</sup> International Conference of Arabic Language and Literature, h. 537-549.

<sup>63</sup> Mohd. Zariat Abdul Rani (2004), “Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>64</sup> Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2009), *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 108-124.

<sup>65</sup> Elizatul Nastaysah Kamaruddin (2016), “Representasi Watak Wanita dalam Karya Sastera Melayu Modern berdasarkan Kerangka Taklif,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

<sup>66</sup> Nurul Atira Tonya (2018), “Penerapan Kerangka Taklif dalam Filem “Sepet” dan “Muallaf” Arahan Yasmin Ahmad,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

<sup>67</sup> Tuan Sanira Mohd. Zawawi, Asmiaty Amat & Esterlina Moo Chin Len Lazarus (2013), “Unsur Tauhid dan Taklif dalam Novel *Murtad*,” dalam Rahimah A. Hamid et al. (ed.), *Rekayasa Kearifan Tempatan dalam Sastera Melayu*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 138-145; Mohd. Adi Amzar & Zulkarnain Mohamed (2012), “Penilaian Konsep *Taklif* dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El Shirazy,” Prosiding, Kolokium Antarabangsa SiswaZah Pengajian Islam 2012, h. 511-522.zariat

bersusur-galur daripada ajaran tokoh-tokoh ulama' yang masyhur dan berautoriti seperti Ubaidillah al-Sindhi, Mahmud al-Hasan al-Hind, Muhammad Qasim Nanautavi, Muhammad Ishaq al-Dihlawi dan Imam 'Abd al-Aziz al-Dihlawi, sebagaimana yang sedia diamati dalam tesis oleh Nik Abdul Aziz (1977) dan Abdul Hayei (1988). Nik Abdul Aziz sendiri sebagai pengkaji yang mempunyai pertalian darah dengan Wan Musa (datuk) serta Nik Abdullah dan Nik Muhammad Salleh (bapa saudara), turut memberikan sumbangan yang signifikan melalui kajian-kajian ilmiah beliau yang konsisten tentang pemikiran al-Dihlawi, khususnya di Malaysia. Pengaruh aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia juga banyak diusahakan oleh anak-anak murid Nik Muhammad Salleh, khususnya Zainuddin Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah. Antara usaha mereka yang signifikan ialah terjemahan kitab *Hujjat Allah al-Balighah* karangan al-Dihlawi ke dalam bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). UIAM sendiri sebagai sebuah institusi keilmuan memainkan peranan yang tidak kurang penting seperti menganjurkan seminar dan penerbitan buku berkaitan pengaruh aliran pemikiran al-Dihlawi di Malaysia. Lebih menarik ialah perkembangan mutakhir yang menyaksikan pemanfaatan aliran pemikiran al-Dihlawi dalam bidang kesusasteraan Melayu melalui usaha Mohd. Affandi, seorang penulis dan pengkritik yang lahir daripada keluarga berketurunan ulama' di Kelantan. Usaha Mohd. Affandi ini ternyata memberikan kesan yang signifikan apabila falsafah *taklif* khususnya huraian al-Dihlawi menjadi perbincangan dalam bidang kesusasteraan, khususnya dalam gagasan Persuratan Baru yang dibangunkan oleh Mohd. Affandi. Sebagai satu gagasan ilmiah yang sistematik, Persuratan Baru sehingga kini telah diterapkan sebagai kerangka bagi menganalisis teks-teks sastera Melayu sehingga mengujudkan korpus ilmu yang tersendiri tentang pemikiran al-Dihlawi dalam bidang kesusasteraan Melayu.

## Rujukan

- Abdul Hayei Sukor (1988), "Sumbangan Shah Waliullah al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan," Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Malaya.
- Abdul Kamil Majid (2018), "Idea Besar Ulama Kelantan Satu Abad," dalam Deraman, Aziz, A. A. dan Ilias, Baharin, B. (ed.), *Kelantan, Sejarah, Adat dan Warisan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 579-636.
- Abdul Razak Mahmud (2017), *Biografi Singkat 40 Ulama' Terpilih Negeri Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Abdul Salam Shukri (2007), *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Adi Amzar Nawawi & Zulkarnain Mohamed (2012), "Penilaian Konsep *Taklif* dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* karya Habiburrahman El Shirazy," Prosiding, Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2012, Universiti Kebangsaan Malaysia, 511-522.
- Adli Yaacob & Siti Nadhirah Kassim (2015), "Syeikh Waliullah al-Dihlawi and His Kitab *Hujjatul al-Balighah* and Muhammad Affandi Hassan and His Theory of 'Gagasan Persuratan Baru': A Brief Study of the Concept of Islamic Literature," Prosiding, 5<sup>th</sup> International Conference of Arabic Language and Literature, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 537-549.
- Aizan Ali@Mat Zin (1999), "Islamic Institution of Education in British India: A Study on Deoband Madrasah," *Jurnal Usuluddin*, Jil. 9, 113-132.
- Akalily Narmi, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin, Pabiyyah Hajimaming@Toklubok & Samsilah Roslan (2021), "Shah Wali Allah Al-Dihlawi's Ideas on The Study of Modern Malay Literature," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Jil. 11, Bil. 8, 876-888.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2020), *Islam dan Sekularisme*, Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS), Universiti Teknologi Malaysia & Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM).

*Sumbangan Shah Waliullah Al-Dihlawi dalam Perkembangan Intelektual Islam di Malaysia*  
Al-Dihlawi, Shah Waliyuallah (2005), *Hujjat Allah al-Balighah Juzuk 1, Beirut: Dar al Jail li al-Nasyr wa al-Thibaa'ah wa al-Tauzi'*, 53-54.

Elizatul Nastaysah Kamaruddin (2016), “Representasi Watak Wanita dalam Karya Sastera Melayu Moden Berdasarkan Kerangka Taklif,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Fadhilah Adibah Ismail (2010), “Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam Pengajian Al-Qur'an: Kajian Terhadap Kitab Kuliah Pengajian Al-Qur'an,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya. Fazlur Rahman (2000), *Revival and Reform in Islam: A Study of Islamic Fundamentalism*, Oxford: Oneworld.

Ismail Daud (2012), *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Mohd. Affandi Hassan (1992), *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Affandi Hassan (1997), *Pujangga Melayu*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Mohd. Affandi Hassan (2021), Temu bual pada 5 Januari 2021.

Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani (2008), *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Zariat Rani (2004), “Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mustafa Abdullah (2011), *Khazanah Tafsir di Nusantara*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Naim Ullah Khan (1981), “Political Ideas and Role of Maulana Obaidullah Sindhi,” Tesis Ijazah Kedoktoran, Aligarh Muslim University.

Nik Abdul Aziz Hassan (1977), “Tariq Shah Wali Allah Al-Dihlawi di Jajahan Kelantan 1934-1950,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Abdul Aziz Hassan (1980), “Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940),” *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Jil. 10, 163-192.

Nik Abdul Aziz Hassan (2016), *Ide-ide Reformasi Islam Malaysia Kini: Ilham Dari Jiwa Pengajaran Ulama-ulama Tariq Shah Wali Ullah al-Dihlawi Silam di Kelantan*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

Nik Muhammad Salleh & S. Othman Omar (1974), “Theological Debates: Wan Musa b. Haji Abdul Samad and His Family,” dalam Roff, William. W. (ed.), *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*, 153-169. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Nur Fatiha Fadila Bakar (2014), “Intelektualisme dalam Lima Novel Anwar Ridhwan dari Sudut Persuratan Baru,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Nurul Atira Tonya (2018), “Penerapan Kerangka Taklif dalam Filem ‘Sepet’ dan ‘Muallaf’ Arahan Yasmin Ahmad,” Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.

Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (2020), *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Shahed, Abul Kalam (2010), “Shah Waliullah’s Influence on the Thought of Sayyid Abul A‘la Mawdudi,” *The International Journal of Islamic Studies*, Jil. 32, 5-23.

Tuan Sanira Mohd Zawawi, Asmiaty Ahmad & Esterlina Moo Chin Len Lazarus (2013), “Unsur Tauhid dan Taklif dalam Novel *Murtad*,” dalam Rahimah A. Hamid, Saad Othman & Ahmand Mohni Salbani *Rekayasa Kearifan Tempatan dalam Sastera Melayu*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 138-145.

Ungku Maimunah Tahir (2009), *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainuddin Idris & Nik Hassan Abdullah (2015), *Hujjat Allah al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi Juzuk 1*, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

Zainuddin Idris & Nik Hassan Abdullah (2015), *Hujjat Allah al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi Juzuk 2*, Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

Zulkarnain Mohamed (2011), “Pendekatan Taamul-taklif dalam Kajian Sastera,” *Jurnal SARI*, Jil. 29, Bil. 1, 137-152.